



DASAR BERSUARA

BLUESCOPE KOMITED MENGGALAKKAN BUDAYA BERSUARA APABILA SESUATU TIDAK BETUL DAN MELINDungi APA YANG BETUL

SPEAK UP !!

KOMITMEN KAMI KEPADA ANDA

Di BlueScope, kami komited untuk bertindak dengan adil, beretika, dan dengan integriti dalam semua perkara yang kami lakukan. Dalam usaha untuk mencapai standard kelakuan tertinggi, kami menggalakkan kakitangan kami dan mereka yang berinteraksi dengan kami untuk bersuara apabila mereka fikir tindakan atau keputusan tidak betul, tidak mencerminkan **Ikrar Kami** atau tidak selari dengan **anduan kepada Kelakuan Perniagaan** atau undang-undang.

Kami komited untuk melayan mereka yang menyuarakan kebimbangan sebenar dengan rasa hormat dan akan memastikan mereka disokong dan dilindungi.

PENGGUNAAN

Ini adalah dasar tahap kumpulan. Dasar ini terpakai kepada semua perniagaan yang dikendalikan oleh BlueScope Steel Limited, anak syarikat, dan entiti yang berkaitan.

Dasar ini terpakai kepada:

- pegawai, pekerja, dan kontraktor semasa serta yang lepas;
- pembekal barang dan perkhidmatan (berbayar atau tidak berbayar) semasa serta yang lepas, dan pekerja mereka; serta
- waris atau tanggungan mana-mana orang dalam kumpulan di atas.

APA YANG PERLU DILAPORKAN

Anda harus membuat laporan jika anda mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa BlueScope atau mana-mana orangnya telah terlibat, atau melibatkan diri, dalam kelakuan yang:

- tidak jujur, menipu, atau rasuah (termasuk rasuah atau aktiviti lain yang melanggar Dasar Anti Rasuah & Korupsi BlueScope);
- Adalah menyalahi undang-undang (termasuk kelakuan yang melanggar persaingan, anti rasuah, diskriminasi, atau undang-undang lain);
- adalah tidak beretika atau dalam pelanggaran Ikrar Kami, Panduan kepada Kelakuan Perniagaan BlueScope atau sebarang dasar atau prosedur Bluescope yang lain;
- membahayakan kesihatan atau keselamatan orang lain;

- boleh menyebabkan kerugian kewangan kepada BlueScope atau merosakkan reputasinya atau sebaliknya memudaratkan kepentingan BlueScope; atau
- melibatkan sebarang bentuk salah laku atau situasi atau keadaan yang tidak sepatutnya.

Anda tidak semestinya terjejas secara langsung oleh isu tersebut untuk melaporkannya. Apabila kebimbangan dilaporkan, laporan itu membantu kami mengenal pasti dan menangani perkara itu dan memperbaiki cara kami bekerja.

Apabila anda melaporkan kebimbangan, kami menggalakkan anda untuk bersikap jujur dan terbuka serta memberikan sebanyak mungkin maklumat mengenai kebimbangan tersebut.

CARA MEMBUAT LAPORAN

Pekerja digalakkan untuk bersuara kepada pengurus anda, ahli pasukan Pekerja BlueScope atau ahli pasukan perundangan BlueScope.

Kami memahami bahawa dalam beberapa keadaan anda mungkin tidak selesa bercakap dengan Pengurus anda atau melaporkan sesuatu perkara melalui saluran perniagaan biasa. Jika ini sebabnya, anda boleh membuat laporan dengan:

- menghubungi **wakil etika dan Pematuhan tempatan anda**; menghantar e-mel kepada pasukan Etika & Pematuhan (ethics@bluescope.com); atau
- menghubungi **Talian Penting Pelaporan Kelakuan Perniagaan**.

Talian Penting Pelaporan Kelakuan Perniagaan BlueScope adalah perkhidmatan yang diuruskan secara luaran yang tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Laporan kepada Talian Penting boleh dibuat secara tanpa nama.

Sekiranya anda mempunyai keluhan yang berkaitan dengan pekerjaan peribadi (seperti konflik antara anda dan pekerja lain, keputusan mengenai perpindahan atau kenaikan pangkat anda atau terma dan syarat pekerjaan anda), hal ini perlu dilaporkan kepada Pengurus anda atau ahli Pasukan Pekerja BlueScope di bawah **Dasar pekerja**.

Tiada satu pun dalam dasar ini yang menghalang anda daripada melaporakan kebimbangan kepada pihak berkuasa kerajaan yang sesuai atau mendapatkan nasihat perundangan mengenai hak anda.



DASAR BERSUARA

CARA KAMI MELINDUNGI ANDA

BlueScope komited dengan perlindungan semua orang yang bersuara di bawah dasar ini.

Di sesetengah negara di mana kami beroperasi, termasuk Australia, mungkin ada perlindungan khusus yang tersedia untuk orang yang melaporkan salah laku yang disyaki. Maklumat lanjut boleh didapatkan di laman web perniagaan anda yang berkaitan, melalui intranet.

MELINDUNGI KERAHSIAAN ANDA

Kami tahu bahawa untuk bersuara memerlukan keberanian dan integriti dan kami komited untuk melayan laporan yang dibuat di bawah dasar ini secara rahsia.

Jika anda membuat laporan, BlueScope tidak akan mendedahkan identiti anda melainkan anda bersetuju, atau pendedahan dikehendaki oleh undang-undang atau dibenarkan oleh undang-undang.

Kami mungkin mendedahkan maklumat mengenai anda (tetapi bukan identiti anda) jika maklumat itu adalah semunasabahnya perlu untuk menyiasat laporan anda, tetapi kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk mengurangkan risiko yang anda akan dikenal pasti. Sebarang pendedahan maklumat tanpa kebenaran akan melanggar dasar ini.

Jika anda tidak mahu mendedahkan identiti anda kepada sesiapa di BlueScope, anda boleh membuat laporan tanpa nama dengan menghubungi **Talian Penting Pelaporan Kelakuan Perniagaan BlueScope**.

PERLINDUNGAN DARIPADA LAYANAN MEMUDARATKAN

BlueScope Komited untuk melindungi anda daripada sebarang layanan yang memudaratkan akibat membuat laporan di bawah dasar ini.

Layanan memudaratkan boleh berlaku dalam banyak bentuk dan termasuk:

- Pemecatan daripada jawatan anda;
- Menukar tugas kerja untuk memberi kesan negatif kepada anda;
- Diskriminasi, gangguan, buli, atau intimidasi;
- Bahaya psikologi;
- Kerosakan terhadap harta, reputasi, atau kedudukan kewangan anda; atau
- Sebarang kecederaan lain atau layanan yang tidak adil yang berkaitan dengan bersuara.

Sebarang layanan memudaratkan yang sedemikian adalah pelanggaran dasar yang serius dan harus dilaporkan dengan segera melalui sebarang saluran yang disenaraikan di bawah bahagian 'Cara Membuat Laporan' dalam dasar ini.

BlueScope tidak bertolak ansur dengan tindakan balas atau tindakan buruk yang berkaitan dengan laporan di bawah dasar ini dan akan mengambil tindakan tata tertib, yang mungkin termasuk penamatian pekerjaan, terhadap sesiapa yang terbukti telah terlibat dalam layanan memudaratkan terhadap orang yang bersuara atau yang terlibat dalam penyiasatan.

MENYOKONG ANDA

BlueScope akan memastikan anda disokong semasa dan selepas proses penyiasatan mengikut Ikrar Kami, dasar HSe & Pekerja kami dan juga undang-undang. Sokongan boleh didapat melalui pasukan Pekerja. Sokongan luar pakar profesional yang bebas daripada BlueScope, juga boleh didapat di kawasan setempat anda. Rujuk tapak intranet tempatan anda atau berbincang dengan pasukan Pekerja untuk maklumat.

CARA KAMI MENYIASAT LAPORAN

Semua laporan yang dibuat di bawah dasar ini akan diperlakukan dengan serius dan dengan hormat. Setiap laporan akan dinilai dan disiasat secara objektif dan adil, dan sebaliknya, adalah munasabah dan bersesuaian dengan mengambil kira sifat kelakuan yang dilaporkan dan keadaan.

Sekiranya sesuai, anda akan diberi maklum balas berhubung dengan kemajuan dan/atau hasil siasatan (tertakluk kepada pertimbangan privasi mereka yang terlibat dengan laporan yang dibuat). Sesiapa yang terlibat dengan laporan yang dibuat di bawah dasar ini akan dilayan dengan adil menurut Ikrar Kami dan dasar HSE & Pekerja kami.

Maklumat lanjut mengenai proses penyiasatan dinyatakan dalam Garis Panduan BlueScope bagi Menilai dan Menyiasat Salah Laku yang Disyaki.

TUGAS PEKERJA DALAM HUBUNGAN DENGAN SALAH LAKU YANG DISYAKI

BlueScope mengharapkan mana-mana pekerja yang menyedari salah laku yang sebenar, atau yang semunasabahnya mengesyaki salah laku, akan membuat laporan di bawah dasar ini.

KETERSEDIAAN DASARINI

Dasar ini tersedia di intranet BlueScope, selain secara luaran di laman web BlueScope. Latihan berkaitan dengan dasar disediakan kepada semua pegawai BlueScope sebagai sebahagian daripada proses induksi dan latihan wajib yang berterusan.

Jika anda memerlukan sebarang penjelasan atau maklumat mengenai dasar ini, sila hubungi **wakil Etika dan Pematuhan tempatan anda** atau hantar e-mel kepada alamat e-mel pasukan Etika dan Pematuhan (ethics@bluescope.com).

SEMAKAN

Dasar ini akan disemak dari semasa ke semasa untuk memastikannya beroperasi dengan berkesan.

TARIKH BERKUAT KUASA

1 Julai 2019